



## Metod Dakwah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar Berkeperluan Khas (Mbk) di Sekolah Menengah

NURULAIN BINTI NORSHAM, ABD HADI BIN BORHAM\* dan MOHAMAD MARZUQI ABDUL RAHIM

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

\*Corresponding author: [abdhadiborham@fsk.upsi.edu.my](mailto:abdhadiborham@fsk.upsi.edu.my)

Received: June 11, 2023

Accepted: June 14, 2023

Online Published: June 16, 2023

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneroka metod dakwah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada pelajar berkeperluan khas (MBK) di sekolah menengah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah kajian kes. Data kajian diperolehi melalui kaedah temubual dan pemerhatian di kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Informan kajian telah dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kajian ini mendapati metod dakwah yang paling sesuai untuk murid berkeperluan khas (MBK) adalah dengan keperluan memahami perbezaan tahap kemampuan, mempunyai hubungan yang baik dan kesesuaian kaedah dalam pengajaran. Implikasi kajian menunjukkan keperluan kesesuaian kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada pelajar berkeperluan khas (MBK) meliputi aspek kemahiran dan dorongan memahami penghayatan dakwah yang berterusan.

**Kata kunci:** Metod dakwah, Pengajaran dan Pembelajaran, Murid Berkeperluan Khas (MBK)

## Da'wah Methods in Teaching and Learning of Students with Education Special Needs (Mbk) in Secondary School

### Abstract

This study explores the da'wah methods in Islamic Education teaching and learning for secondary school students with Education Special Needs. This study has used a qualitative design through interview and observation methods in the Special Integration Education Program (PPKI). The study informants were selected based on purposive sampling. This study found that the most appropriate da'wah method for students with Education Special Needs is to understand the difference in ability levels, have a good relationship and appropriate teaching methods. The study's implications show the need for the suitability of teaching and learning methods of Islamic Education for students with Education Special Needs, covering aspects of skills and encouragement to understand the continuous appreciation of da'wah.

**Keywords:** Da'wah Method, Teaching and Learning, Students with Education Special Needs (MBK)

### 1.0 Pengenalan

Islam merupakan agama yang bersifat sejagat atau universal iaitu sesuai untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira pangkat, rupa, harta, tahap intelek malah dari keturunan mana sekalipun. Ini bermakna Islam bersifat *non-exclusive* iaitu bukan khusus untuk satu-satu golongan sahaja. Menurut Ab. Aziz (2006), dakwah adalah berkembang dan secara tidak langsung juga membawa kepada perkembangan komponen-komponen dakwah, sumbangan, cabaran-cabaran dan kumpulan sasar yang dihadapi. Dewasa ini cabaran dakwah berkembang berlipat kali ganda mengikut perkembangan dunia kerana didukung kemajuan teknologi maklumat, penyebaran informasi, pemberitaan, media komunikasi, teknologi kejuruteraan, ilmu pengetahuan, budaya dan berbagai lagi aspek dalam kehidupan manusia. Dakwah melalui aspek pendidikan adalah bertujuan untuk mendorong manusia kepada Islam, membimbing manusia ke



arah kehidupan yang direndah, menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Allah s.w.t telah menyatakan metod dakwah dalam menyeru manusia untuk mencapai tujuan tersebut, sebagai dalam surah al-Nahl ayat 125 yang bermaksud:

*“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”.* (Surah al-Nahl 16:125)

Perubahan yang dibawa oleh dakwah adalah perubahan yang besar kerana berkait dengan tingkah laku dan tindakan manusia secara berterusan. Perubahan tersebut mempunyai relevansi bukan sahaja bagi kehidupan manusia di akhirat bahkan juga kehidupan di dunia. Rasulullah telah diutuskan sebagai *rahmah li al-Amin* (Hamdi, 2012). Oleh yang demikian, secara tidak langsung menjadi tanggungjawab utama kepada setiap pendakwah untuk berdakwah kepada semua golongan masyarakat. Di Malaysia, golongan orang kurang upaya (OKU) yang terdiri daripada pelbagai kecacatan antaranya kurang upaya anggota, kurang upaya pendengaran, kurang upaya mental dan kurang upaya penglihatan (Ab. Aziz 2009). Statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia menunjukkan terdapat seramai 220-250 OKU berdaftar dengan pihak JKM (Bani Hidayat, 2010). Dalam konteks ini, golongan OKU tidak boleh dipinggirkan terutamanya dalam pendidikan agama bagi tujuan dunia dan akhirat. OKU ditaklifikan untuk beribadat selagi mana tidak kehilangan lebih dari satu pancaindra serta mempunyai hak untuk mengamalkan Islam sebagai *the way of life*.

## 2.0 Tinjauan Literatur

Kajian yang memfokuskan kepada dakwah yang dilaksanakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada orang kurang upaya (OKU) di sekolah masih kurang diteroka. Namun terdapat beberapa kajian-kajian yang telah dilakukan penyelidikan lepas mengenai dakwah dan orang kurang upaya (OKU). Kajian Ab Aziz Mohd Zin (2001) yang bertajuk *“Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya”* mendapati beberapa metode yang membantu mempermudah penyampaian dan pemahaman dakwah terhadap golongan OKU. Metode yang digunakan seperti konsep mudah, konsep rahmah dan syafaqah, konsep hidup sebagai ujian, konsep hubungan dakwah berdasarkan layanan untuk mempengaruhi dan konsep kelebihan orang cacat. Tujuan dakwah adalah membawa perubahan dan penggunaan metode dakwah yang bersesuaian akan memberi impak yang maksimum terhadap kelompok sasaran. Hasil kajian ke atas beberapa institusi latihan, bengkel dan sekolah pendidikan khas mendapati kegiatan dakwah terhadap OKU masih kurang memberangsangkan dan kebanyakan silibus yang digunakan belum mampu mencapai objektif sebenar kerana ketidakupayaan pelajar OKU dalam memahami pengajaran dan pembelajaran serta kelemahan silibus itu sendiri agar mewujudkan Metode Pendidikan Agama Sekolah Berkeperluan Khas yang melibatkan fasa moderasi khas soalan Pendidikan Islam KBSR dan KBSM, silibus panduan Bahasa isyarat dan guru pendidikan Islam Khas, manakala Amali Ibadat OKU menyediakan panduan ibadat OKU, kelas agama berstruktur dan sistematik dan kem motivasi ibadat OKU. Unit dakwah khas untuk OKU perlu dibentuk bagi merancang dan melaksana program yang bersesuaian dengan mereka.

Kajian Mohd Huzairi (2012) berkaitan Pendidikan Islam Golongan Masalah Pendengaran: Tinjauan Awal Isu dan Cabaran daripada Perspektif Guru Pendidikan Islam menggunakan pendekatan kualitatif terhadap empat orang guru mata pelajaran Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah Pendidikan Khas. Secara ringkas, dapatan kajian menjelaskan bahawa antara masalah yang timbul semasa pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran antaranya ialah kod tangan dan komunikasi terhad, sikap ibu bapa lepas tangan, buku teks tidak sesuai, pelajar tidak boleh bertutur, kod tangan berbeza, hilang tumpuan, daya ingatan mudah lupa dan gagal membaca al-Quran. Hasil daripada kajian Mohd Hanafi (2016) jmenyatakan masih terdapat guru mata pelajaran yang menggunakan teknik dan kaedah PdP yang sama untuk semua murid tanpa mengambil kira tahap keupayaan dan potensi MBK di dalam kelas PPI. Hal ini akan menyebabkan adanya MBK yang tidak dapat mengikuti pengajaran guru serta tidak dapat menyiapkan tugas atau latihan yang diberikan oleh guru. Bagi guru yang mendapat pendedahan khusus berkaitan kaedah PdP yang bersesuaian dengan MBK, mereka dapat melaksanakan pengajaran dengan berkesan. Hasil kajian mendapati bahawa strategi pengajaran yang khusus kurang diamalkan oleh semua responden, malah akomodasi atau adaptasi terhadap PdP juga tidak diamalkan.

Menurut Mohd Mokhtar & Aliza (2004), isu dan cabaran yang wujud dalam pengajaran guru Program Pendidikan Khas di Sekolah-sekolah Pendidikan Khas, Malaysia terdiri daripada aspek kelayakan akademik dan iktisad guru-guru, pengetahuan tentang ciri-ciri keperluan khas pelajar dan kebolehan serta keyakinan guru menyampaikan isi kandungan Pendidikan Islam kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas, serta keperluan kepada infrastruktur yang menyokong



pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Guru-guru yang mengajar MBK perlu mempunyai kemahiran mengajar yang sesuai dengan keperluan pembelajaran pelajar mengikut kategori kurang upaya.

### 3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes bagi meneroka metod dakwah dalam pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam terhadap murid berkeperluan khas (MBK) di sekolah arus perdana yang mempunyai program Pendidikan Khas Integrasi. Kaedah kajian kes adalah kaedah yang sesuai digunakan untuk kajian ini, bahawa kajian kes adalah untuk memahami secara mendalam sesuatu situasi dan memberi makna kepada mereka yang terlibat. Kajian kes digunakan dalam kajian ini kerana ia melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik dan mendalam mengenai proses pengajaran dan pembelajaran murid berkeperluan khas dalam Pendidikan Islam. Informan kajian telah dipilih dengan kaedah persampelan bertujuan. Data yang telah diperolehi telah dianalisis secara deskriptif.

### 4.0 Dapatan Kajian

Hasil pemerhatian dan temu bual, menunjukkan terdapat beberapa aspek yang signifikan dalam metod dakwah melalui pendidikan kepada pelajar berkeperluan khas di sekolah menengah. Antaranya seperti berikut:

#### a) Memahami Perbezaan Tahap Kemampuan

Dapatan kajian menunjukkan metod dakwah yang digunakan oleh guru terhadap pelajar berkeperluan khas ini adalah berbeza mengikut tahap keupayaan mereka. Hal ini kerana setiap guru mempunyai metod atau *manhaj* yang tersendiri yang mana tidak membebankan pelajar dan mudah diterima oleh pelajar. Antara kaedah dakwah yang digunakan oleh guru adalah guru menitik beratkan berkaitan tajuk Fardhu Ain seperti solat dan juga *wudhuk*. Hal ini kerana perkara Fardhu Ain adalah ilmu yang diwajibkan ke atas setiap muslim yang *aqil baligh* untuk mengetahui dan mengamalkannya yang berkaitan dengan akidah, syariah dan akhlak. Guru akan sentiasa bertanya dan mengingatkan pelajar untuk menunaikan segala perintah dan syariat Islam seperti solat dan puasa. Antara subtopik bagi silibus kurikulum yang diajar, guru biasanya lebih menekankan bab taharah, ibadah, akhlak dan sirah. Untuk bab al-Quran dan tilawah, ianya agak sukar untuk dilaksanakan kepada pelajar Pendidikan khas di kelas rendah kerana mereka tidak mengenal huruf hijaiyyah dan tidak boleh membaca al-Quran.

#### b) Mempunyai Hubungan yang Baik

Guru Pendidikan Islam sebagai seorang pendakwah perlu menggunakan pendekatan yang mesra pelajar. Setiap kali masuk ke kelas guru akan bertanya khabar pelajar-pelajar tersebut dan juga bertanyakan tentang masalah-masalah yang dihadapi di rumah yang mana mungkin ada di antara pelajar tersebut yang ingin berkongsi masalah mereka agar boleh dibantu oleh guru. Pendekatan dan kaedah yang digunakan ini adalah dilihat tidak menyusahkan dan membebankan pelajar dan dalam masa yang sama memudahkan pelajar untuk menerima dan mendengar isi dakwah yang ingin disampaikan oleh guru. Ia adalah salah satu pendekatan *al-hikmah* dalam dakwah kepada murid berkeperluan khas di sekolah. Pendekatan dakwah *al-hikmah* dan *al-maw'izah al-hasanah* digunakan bersama dengan guru sentiasa menggunakan kata-kata yang baik apabila berbual dengan pelajar. Pelajar Pendidikan Khas mempunyai pelbagai ragam oleh kerana keupayaan berfikir tidak seperti pelajar normal yang lain. Terdapat juga mereka mengalami *throwing tantrum* di dalam kelas, maka guru perlu menenangkan keadaan. Guru kurang menggunakan pendekatan dakwah *al-mujadalah* ataupun dikenali juga sebagai berbahas atau berdebat dengan cara yang baik. Namun keperluan menjawab soalan-soalan pelajar berkeperluan khas secara logik perlu dijelaskan berkaitan kewajipan melaksanakan ibadah kerana persekitaran kehidupan mereka di rumah dan sekolah berbeza.

#### (c) Kesesuaian Kaedah dalam Penyampaian

Kaedah yang digunakan guru bersesuaian, bertepatan dan mudah untuk diterima oleh pelajar. Informan menyatakan antara kaedah yang digunakan adalah:

##### *Kaedah Pengajaran Auditori dan Visual*

Gaya pengajaran auditori merupakan cara pengajaran yang menekankan pendekatan perkataan dan arahan lisan. Murid perlu mengingati penerangan melalui bacaan kuat atau menggerakkan bibir ketika mempelajari sesuatu. Di samping itu, melalui pengajaran gaya auditori ini, murid akan mengukuhkan ingatan mereka dengan mendengar semula rakaman pita audio. Manakala kaedah visual dengan menggunakan foto-foto, gambar rajah, lambang atau isyarat boleh menarik



minat kanak-kanak ini untuk belajar dan menumpukan lebih perhatian. Ini kerana pelajar Pendidikan Khas ini hanya boleh memberikan tumpuan selama sekurang-kurangnya 15 minit sahaja dan guru perlu memikirkan cara untuk menarik perhatian mereka. Antara caranya ialah dengan menayangkan gambar atau video. Contohnya bagi tajuk berkaitan sirah atau sejarah islam guru akan menunjukkan video atau gambar berkaitan tajuk tersebut. Video yang ditayangkan juga berbentuk animasi atau kartun kerana ia lebih menarik minat pelajar untuk menonton. Begitu juga ketika guru mengajar *alif ba ta* dengan melihat video animasi upin ipin mengaji. Guru juga meminta pelajar mengikut nyanyian dan tarian yang ditunjukkan oleh upin ipin di dalam video tersebut. Dengan kaedah ini, murid-murid akan berasa seronok menjalani sesi pengajaran.

#### *Kaedah Tunjuk Cara*

Tunjuk cara ialah satu cara untuk melatih murid memerhati dan melakukan sesuatu aktiviti mengikut prosedur. Ia melibatkan demonstrasi guru atau seorang individu di hadapan kelas untuk menunjukkan sesuatu aktiviti atau prosedur. Guru menggunakan kaedah ini ketika mengajar tentang bab solat. Guru akan menunjukkan pergerakan-pergerakan yang betul ketika solat dan pelajar akan melihat dahulu apa yang guru tunjukkan di hadapan kelas. Setelah itu guru akan meminta semua pelajar untuk mengikut pergerakan guru secara bersama-sama satu demi satu sehingga semua boleh membuat pergerakan tersebut dengan betul.

#### *Kaedah Peneguhan Positif*

Kaedah peneguhan terbahagi kepada dua iaitu peneguhan positif dan juga peneguhan negatif. Pemberian peneguhan ini bergantung kepada tingkah laku yang ditunjukkan oleh pelajar berkeperluan khas (Ab. Aziz, 2009). Peneguhan positif biasanya diberikan untuk memberi pengukuhan terhadap tingkah laku yang baik dan positif agar kanak-kanak tersebut akan terus melakukan tindakan tersebut. Manakala peneguhan negatif pula diberikan untuk menyingkirkan atau menghilangkan tingkah laku yang tidak sesuai ataupun tidak baik. Peneguhan negatif adalah seperti pengasingan, *time-out*, *shaping* dan sebagainya. Pemberian peneguhan positif pula akan membuatkan kanak-kanak berasa seronok untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Antara peneguhan positif yang boleh digunakan adalah seperti pujian, tepukan, ganjaran, token dan sebagainya. Berdasarkan pemerhatian, kebanyakan guru memberikan peneguhan positif kepada pelajar berkeperluan khas. Contohnya jika mereka dapat menjawab soalan yang diajukan oleh guru, guru akan mengucapkan tahniah dan memuji mereka. Mereka juga suka jika guru memuji hasil kerja mereka tidak kira sama ada hasil kerja seni, latihan yang diberikan oleh guru ataupun sewaktu melakukan aktiviti berkumpulan.

#### *Bermain Sambil Belajar*

Kaedah ini merupakan aktiviti yang dijalankan secara spontan dan menyeronokkan yang membawa kepada pembelajaran. Bermain adalah ekspresi sendiri yang kreatif dan perkembangannya paling jelas pada peringkat kanak-kanak. Kanak-kanak akan mencari pengetahuan dengan kaedah permainan. Berdasarkan temu bual, informan menyatakan kaedah ini mampu menarik minat dan perhatian murid-murid terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Selain menjadikan pengajaran dan pembelajaran menjadi sesuatu aktiviti yang seronok, ia juga mampu merangsang motivasi belajar kesan daripada keseronokan bermain. Antara jenis permainan dalam pengajaran ialah permainan manipulatif, fizikal dan permainan bahasa. Melalui aktiviti ini pelajar akan melakukan penerokaan, penemuan dan pembinaan berdasarkan pengalaman dengan rasa gembira dan seronok. Selain menyeronokkan, pendekatan ini boleh meningkatkan keupayaan kognitif dan memenuhi rasa ingin tahu, penguasaan psikomotor, kemahiran berfikir serta mengendalikan emosi. Informan juga menyatakan bahawa pelajar berkeperluan khas ini tidak boleh belajar dengan hanya duduk dan dengar penerangan daripada guru kerana cepat hilang fokus dan merasa bosan. Oleh itu guru perlu membuat permainan bagi setiap sesi pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat mereka. Walaupun permainan itu ringkas sahaja seperti mencantum puzzle, menampal kertas, mewarna dan sebagainya. Pelajar-pelajar ini mahukan adanya pergerakan di dalam kelas.

#### *Kaedah Simulasi*

Kaedah ini merupakan gambaran abstrak sesuatu situasi sebenar yang memerlukan murid berinteraksi sesama sendiri berdasarkan peranan masing-masing untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Kaedah ini juga merupakan satu situasi yang diwujudkan untuk menyerupai keadaan sebenar dengan cara menggunakan masalah-masalah atau menyediakan situasi-situasi yang benar-benar wujud di dalam keadaan yang terkawal. Berdasarkan temu bual, guru menggunakan kaedah simulasi untuk mengajar topik *wudhuk* dan *tayammum*. Guru akan membawa mereka ke surau dan mengajar mereka tertib mengambil *wudhuk* dengan menggunakan air yang sebenar bukan hanya sekadar teori sahaja. Pelajar Pendidikan Khas ini tidak seperti pelajar normal yang boleh faham sesuatu konsep dengan hanya penerangan teori



semata-mata. Mereka ini perlu ditunjukkan sesuatu itu agar mereka mudah faham dan ingat. Mereka juga sukar untuk mengingati tertib *wudhuk* dan guru perlu menekankan keperluan *wudhuk* bagi anggota yang wajib sahaja. Jika ajar semua anggota termasuk yang sunat pelajar Pendidikan Khas itu sukar mengingat dan mengambil masa yang lama untuk memahami sesuatu.

#### *Alat Bantu Mengajar (ABM)*

Alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru terhadap murid berkeperluan khas ini adalah berbeza-beza mengikut mengikut topik yang di ajar dan juga mengikut tahap keupayaan pelajar. Setelah melakukan pemerhatian dan melihat sendiri sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas Pendidikan khas ini, pengkaji dapat melihat bahawa penggunaan alat bantu mengajar kepada pelajar-pelajar ini adalah amat penting. Guru yang telah ditemu bual mengatakan bahawa alat bantu mengajar ini mereka cipta sendiri mengikut kreativiti masing-masing dan melihat juga kepada kesesuaian topik yang ingin di ajar dan tahap keupayaan seseorang murid. Bagi pelajar yang berada di dalam kelas KSSM, guru boleh menggunakan alat bantu mengajar seperti lembaran kertas kerja, mencantum puzzle dan lain-lain lagi. Bagi pelajar yang berada di dalam kelas alternatif Pendidikan Khas (KAPK), guru biasanya hanya menggunakan alat bantu mengajar seperti video, lagu, nyanyian dan yang seangkatan dengannya. Ini kerana pelajar di dalam kelas KAPK adalah dalam kategori pelajar yang bermasalah fizikal seperti *syndrome down*, *cerebral palsey* dan lain-lain. Pelajar di dalam kelas KSSM pula adalah dalam kategori pelajar yang bermasalah pembelajaran sahaja atau dikenali juga sebagai *slow learner*. Alat bantu mengajar amat membantu ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung kerana ia dapat memudahkan pelajar untuk memahami sesuatu topik itu dan dalam masa yang sama dapat menarik perhatian pelajar untuk memberikan tumpuan di dalam kelas. Ini kerana pelajar Pendidikan khas tidak boleh memberikan tumpuan dalam jangka masa yang panjang.

#### **5.0 Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa metod dakwah dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar berkeperluan khas (MBK) adalah memahami perbezaan tahap kemampuan, mempunyai hubungan yang baik, dan kesesuaian kaedah dalam pengajaran. Guru Pendidikan Islam sebagai pendakwah harus memahami ketiga-tiga aspek tersebut. Namun keperluan memahami falsafah dakwah sangat penting agar guru tidak merasakan pengajaran dan pembelajaran suatu bebanan yang diselesaikan mengikut tempoh. Bahkan dakwah sentiasa berterusan dengan pendekatan al-hikmah, al-mawizah al-hasanah dan al-mujadalah (Surah al-Nahl, ayat 125). Dalam masa yang sama, guru Pendidikan Islam terus memainkan peranan sebagai *role model* bagi pelajar berkeperluan khas (MBK) agar mereka menerima proses pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan.

#### **Rujukan**

- Ab. Aziz Mohd Zin et al. 2006. *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd Zin et al. 2009. *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Bani Hidayat, Nor Hayati, Mohd Huzairi dan Hajarul Bahti. 2010. *Pendidikan Islam Golongan Masalah Pendengaran: Tinjauan Awal Isu Dan Cabaran Dari Perspektif Guru*. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Keningau, Sabah.
- Hamdi Ishak, Ab. Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid dan Safani Bari. 2012. Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran & Pembelajaran Pendidikan Islam (Masalah Pendengaran). *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*. Vol 2(1).
- Mohd Hanafi Mohd Yasin. 2016. *Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 -2015*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Mokhtar Tahar & Aliza Alias. 2004. *Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Pelajar Berkeperluan Khas*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Razimi Husin et al. 2015. *Stimulus Gaya Pembelajaran Murid Sukar Belajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam*. Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.
- Norakyairee Mohd Raus et al. 2012. *Asas Kesediaan Pengajaran Guru Berkesan Dalam Program Pendidikan Khas Masalah Penglihatan Berdasarkan Konsep al-Rasul al-Mu`allim*. Universiti Sains Islam Malaysia.